

UNTUK SIARAN SEGERA

BOH DAN YEO'S TAMBAHKAN 'UMMPH' KEPADA TEH-O-AIS

Gabungan baru hasilkan minuman segar Malaysia sejati

26 Februari 2009, Kuala Lumpur - Bayangkan. Meja-meja makan tersusun rapi di tepi jalan restoran yang dipenuhi orang ramai berbual mesra. Setengahnya hanya menikmati makanan kegemaran tempatan sambil terpaku menonton rancangan TV di skrin besar. Sambil diselubungi kebisingan suasana tersebut, pelayan mundar-mandir di celah kesesakan pelanggan sambil mengambil pesanan dan menghidangkan minuman. Anda serasi dengan keadaan tersebut? Ya, inilah suasana yang biasa di restoran mamak di Malaysia.

Jika anda meneliti setiap meja, pasti akan anda perasan minuman paling popular di kebanyakan meja. Ya, sebagai warga Malaysia sejati, tekaan anda sememangnya tepat! Teh tempatan kita masih menjadi minuman "wajib" di setiap kedai mamak!

Dalam mengekalkan tradisi popular dan memenuhi selera masyarakat Malaysia, BOH Plantations Sdn. Bhd. (BOH) dan Yeo Hiap Seng (Malaysia) Berhad telah melancarkan minuman Malaysia kegemaran versi mereka, *BOH Teh-O-Ais*, dalam sedia diminum format.

BOH dan Yeo's, dua jenama terkemuka Malaysia, telah bergabung tenaga untuk membangkitkan citarasa masyarakat Malaysia dengan penciptaan *BOH Teh-O-Ais*. Sinonim dengan budaya rakyat Malaysia, *BOH Teh-O-Ais* bakal menjadi pilihan utama semasa sesi minum bersama teman dan keluarga pada setiap masa dan di mana juar!

"Kami sungguh gembira dapat bekerjasama dengan BOH, salah satu jenama Malaysia yang sudah tidak asing lagi, untuk menawarkan minuman tempatan yang pastinya akan memenuhi citarasa masyarakat Malaysia pada semua peringkat umur, tempat dan pada bila-bila masa," kata Ow.

"Minum teh di kedai mamak atau di mana-mana tempat sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat Malaysia. Kami yakin *BOH Teh-O-Ais* dalam format sedia diminum ini akan memenuhi citarasa pelanggan dengan pelbagai perisa yang menyegarkan.

Ow menerangkan, "Pengabungan antara BOH dan Yeo's ini sungguh bermakna kerana ia adalah kali pertama dua syarikat ternama mewujudkan penyatuan strategik untuk mengilang, memasarkan dan mengedarkan *BOH Teh-O-Ais*. Syarikat kami berdua adalah syarikat tempatan yang penuh pengalaman dan mempunyai sejarah dan tradisi yang dikagumi. Yeo's telah berusia lebih seratus tahun sementara BOH menjangkau 80 tahun. Kami bukan sebarang jenama. Kami adalah jenama terkemuka yang dikenali ramai di kalangan pengguna tempatan dan antarabangsa. Ini adalah peluang terbaik di mana kami dapat bergabung tenaga untuk membawa kepada anda *BOH Teh-O-Ais*, yang menjadi mercu tanda untuk BOH dan Yeo's serta seluruh industri."

Russell berkata, "Kami sungguh bersemangat dan berbangga untuk bersama-sama bergabung tenaga dengan Yeo Hiap Seng, sebuah syarikat jenama Malaysia yang berstatus ikon dan merupakan peneraju yang diktiraf dalam industri minuman sedia untuk diminum. Pengabungan ini adalah keputusan strategik kedua-dua belah pihak untuk memanfaatkan kekuatan dan kecekapan tersendiri bagi mengurangkan risiko memasuki pasaran yang dipenuhi saingan sengit.

"Sekali lagi, BOH berpeluang untuk berkongsi 'Ummph' dengan menawarkan minuman kegemaran rakyat Malaysia yang menepati citarasa, serta mudah diperolehi dan senang diminum. *BOH Teh-O-Ais* pasti menepati keperluan gaya hidup generasi masa kini yang sentiasa sibuk," ulas Russell.

BOH Teh-O-Ais dihasilkan dari daun segar Cameron Highland dan diadun dengan madu asli untuk menghasilkan minuman yang sungguh menyegarkan. Minuman ini adalah pilihan paling tepat sebagai penghilang dahaga dalam kehangatan cuaca Malaysia. Tambahan pula, ia dibekalkan dalam kotak 250 ml tetra brik dan tin 300 ml berwarna oren terang bersesuaian dengan gaya hidup aktif rakyat Malaysia.

Didapati dalam tiga citarasa, *BOH Teh-O-Ais* pasti digemari ramai. Untuk mereka yang mencari kebaikan semulajadi teh dan madu, *Teh-O-Ais Original* pastinya untuk anda. Jika minuman berperisa pedar dapat menyemarakkan hari anda, cuba *Teh-O-Ais Lemon*. Minuman *Teh-O-Ais Passion Fruit* pula seakan menghilangkan dahaga dengan campuran jus buah-buahan dalam mulut anda!

Untuk minuman penghilang dahaga sejati Malaysia, singgah di kedai berhampiran dan nikmati kelazatan citarasa terbaru BOH! Beraneka jenis minuman *BOH Teh-O-Ais* boleh didapati di semua kedai dan pasaraya utama di seluruh Malaysia.

Disiarkan bagi pihak BOH PLANTATIONS SDN BHD dan YEO HIAP SENG (MALAYSIA) BERHAD oleh Pat-Lin Communications Sdn Bhd. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Kelvin atau Jess Yeoh di kelvin@patlin.com.my / jess@patlin.com.my
